



PEKELILING PEPERIKSAAN 5/243

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

PEPERIKSAAN KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025

- **Program Pengajian Ijazah Tinggi**
- **Program Pengajian Ijazah Pertama (Penuh Masa, Jarak Jauh, & Program Pesisir)**
- **Program Diploma**

Peraturan yang perlu dipatuhi bagi rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah seperti berikut :-

1. Tempoh permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan bagi Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2024/2025 adalah seperti berikut:-

9 OKTOBER 2025 hingga 23 OKTOBER 2025

RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN YANG DITERIMA SELEPAS TEMPOH DI ATAS TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

2. Peraturan penyemakan semula keputusan peperiksaan bukan bermaksud penilaian semula skrip jawapan. **Penyemakan semula akan melibatkan hanya pengesahan sama ada setiap jawapan di dalam skrip jawapan telah diberikan markah dan pengiraan markah adalah betul.**

3. Permohonan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan adalah dengan mengisi **“BORANG PERMOHONAN RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN”** (versi Bahasa Malaysia) yang boleh dimuat turun/diperolehi daripada laman sesawang <https://bpa.usm.my/>.
4. Borang permohonan yang telah dilengkapi hendaklah dilampirkan bersama dokumen berikut :-
 - (a) **Salinan penyata pembayaran ePayment**
Pembayaran sebanyak RM25.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja) bagi setiap kertas peperiksaan yang disemak semula boleh dibuat melalui laman sesawang <https://epayment.usm.my>.
 - ATAU**
 - (b) **Salinan resit rasmi pembayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari USM**

Borang permohonan dan salinan resit pembayaran hendaklah dihantar kepada:-

- (a) **PELAJAR KAMPUS INDUK, PROGRAM PESISIR, PROGRAM USAHA SAMA AKADEMIK DAN PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH**
 - Timbalan Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, Pulau Pinang.
(E-mel: exam@usm.my)
- (b) **PELAJAR KAMPUS KEJURUTERAAN**
 - Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
(E-mel: bpa.eng@usm.my)
- (c) **PELAJAR KAMPUS KESIHATAN**
 - Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, KELANTAN
(E-mel: ajmal@usm.my)

PEMBAYARAN MELALUI CEK TIDAK DITERIMA

5. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan (Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar) akan memaklumkan keputusan permohonan penyemakan sebaik sahaja pengesahan diterima daripada pusat pengajian yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AMRA BINTI OTHMAN)
Timbalan Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Bahagian Pengurusan Akademik

No. Rujukan : USM.(O) 25/1/xiii/c Jld.34

Tarikh Keluar : 7 Oktober 2025

Tarikh Luput : 23 Oktober 2025

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar,
Universiti Sains Malaysia, Aras 5, Bangunan Canselor, 11800 USM, PULAU PINANG.

No. Telefon : 04 653 3479 | E-Mel : amra@usm.my

Laman Sesawang : bpa.usm.my & pendaftar.usm.my